



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
National University of Malaysia

Jabatan Bendahari • *Bursar's Office*

(67)

Rujukan: UKM 3.1/224/8 Jld.IX
Tarikh : 25 September 2008

PEKELILING BENDAHARI BIL. 14/2008

Dekan/Pengarah/Ketua
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan,

**PERUNTUKAN ONE-OFF TAHUN 2009 BAGI TUJUAN PEMBELIAN PERALATAN
PEJABAT DAN PENGAJARAN**

Merujuk kepada perkara di atas, sukacita dimaklumkan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang memerlukan peruntukan di atas bagi tahun 2009, diminta mengemukakan permohonan bersama senarai peralatan dengan justifikasinya selewat-lewatnya pada **15 November 2008** menggunakan format borang permohonan seperti di **Lampiran 1**.

Semua permohonan hendaklah mematuhi garis panduan berikut:

- a. Hanya peralatan berharga RM3,000/unit dan ke atas akan dipertimbangkan. Bagi item yang kurang RM3,000/unit boleh dibeli terus menggunakan peruntukan Dasar Sedia Ada yang telah diluluskan.
- b. Bagi item yang boleh dikelaskan sebagai perabot & pasangan dan melibatkan kerja-kerja naiktaraf pejabat juga tidak akan dipertimbangkan. Sila kemukakan permohonan berkaitan kepada Jabatan Pengurusan Pembangunan bagi kerja-kerja naik taraf.
- c. Keperluan komputer kakitangan dan pencetak laser warna kegunaan pejabat tidak dipertimbangkan dan perlu dikemukakan terus kepada Pusat Teknologi Maklumat.

/2



Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006
Winner of Prime Minister's Quality Award 2006


Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: 03-89253000/5148 Faksimili: 03-8925 3058 Laman web: www.ukm.my/
Email: bendahari@pknsc.cug.ukm.my

- d. Bagi perisian komputer pula hendaklah berharga RM10,000 ke atas dan telah disahkan perisian berkenaan belum pernah dibeli atau dibangunkan oleh Pusat Teknologi Maklumat bagi mengelakan pembaziran.
- e. Peruntukan bagi peralatan pengajaran akan diberi keutamaan kepada PTJ baru dan tidak mempunyai peruntukan pembelian peralatan di bawah RMK9. PTJ juga perlu memastikan ruang yang ada mencukupi untuk penempatan peralatan tersebut dengan selamat.
- f. Penggantian peralatan yang telah rosak dan tidak ekonomi untuk dibaiki juga akan diberi keutamaan tetapi tertakluk kepada permohonan pelupusan aset berkaitan telah dibuat kepada Unit Aset, Jabatan Bendahari. Sila kemukakan dokumen berkaitan bagi menyokong justifikasi keperluan (jika ada).

Peruntukan yang diluluskan akan dimaklumkan kepada semua PTJ pada bulan Disember 2008 dan proses pembelian boleh dilaksanakan mulai Januari 2009.

Atas perhatian dan tindakan YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan diucapkan berbanyak terima kasih.

Yang benar,


MOHD ABD RASHID MOHD FADZIL

Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k: Naib Canselor, UKM

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.

Pendaftar, UKM

/berlapisir



Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006
Winner of Prime Minister's Quality Award 2006

Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: 03-89253000/ 5148 Faksimili: 03-8925 3058 Laman web: www.ukm.my/

Mel-e: mcabenri@pknscc.ukm.my

